

Nama Suratkhobar : Berita Harian (Segmen Nasional)

Tarikh : Khamis, 13 November 2014

Mukasurat : 4

## Martabat bahasa Melayu perlu kesungguhan, sokongan politik

**Kuala Lumpur:** Pendirian Tan Sri Muhyiddin Yassin berhubung usaha memartabatkan bahasa Melayu dilihat sebagai dasar nasional yang perlu dituruti oleh kepemimpinan dan agensi kerajaan.

Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Dr Awang Sariyan, berkata iltizam yang disuarakan Timbalan Perdana Menteri (TPM) itu diharap melonjak semangat dan kesedaran penjawat awam berhubung kepentingan bahasa kebangsaan.

Katanya, komitmen itu penting supaya persepsi negatif mengenai kemampuan bahasa Melayu terutama dalam kalangan golongan muda dan hubung kaitnya dengan iden-

titi negara dapat dipulihara.

"Ketegasan TPM itu lebih simbolik kerana ia disuarakan di luar negara kerana lazimnya isu kepentingan bahasa Melayu hanya dibahaskan pada peringkat tempatan.

"Azam memartabatkan bahasa Melayu ini memerlukan kesungguhan dan sokongan politik supaya ia ditelusuri kepemimpinan negara," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan, kelmarin, berkata kerajaan tidak akan mengorbankan bahasa Melayu yang diyakini bakal muncul sebagai bahasa ilmu hanya semata-mata untuk memperkayakan bahasa Inggeris.

Ketegasan itu diutarakannya dalam pertemuan bersama pelajar dan diaspora Malaysia, sempena lawatan kerja tiga hari ke ibu negara Australia dan Perth.

Awang berkata, matlamat seterusnya terarah kepada usaha mengetengahkan bahasa Melayu dalam penyampaian ucapan di persidangan antarabangsa seperti anjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Katanya, inisiatif itu adalah pemangkin ke arah penyena- raian bahasa Melayu sebagai antara bahasa utama dunia, seiring dengan bahasa Mandarin, Perancis, Sepanyol dan Jepun.



**"Ketegasan TPM itu lebih simbolik kerana ia disuarakan di luar negara kerana lazimnya isu kepentingan bahasa Melayu dibahas pada peringkat tempatan"**

**Dr Awang Sariyan,**  
Ketua Pengarah DBP

BH (Khamis) 13/11/14; ms 4 - Nasional